

Sekitar banjir

Dibadai ombak 2m

>>Oleh Junaidi Ladjana
djuns@hmetro.com.my

KOTA KINABALU: Kejutan ombak setinggi kira-kira dua meter yang melanda medan selera Anjung Selera di Likas di sini, menyebabkan puluhan pelanggan yang sedang menikmati makanan bertempirarian lari menyelamatkan, malam kelmarin

Kejadian itu menyebabkan 20 peniaga gerai makanan di medan selera berkenaan terpaksa menanggung kerugian berikutan kerosakan peralatan selain terpaksa menutup premis perniagaan mereka lebih awal bagi mengelak kejadian tidak diingini.

Tinjauan Harian Metro di kawasan berkenaan pada malam kejadian mendapati, berlaku ombak besar sehing-



TENGGELAM...20 gerai makanan di Anjung Selera di Likas terpaksa ditutup kerana dinaiki air laut.

ga melebihi tebing pantai sebelum melimpah memamukai gerai di kawasan itu.

Berikutan itu, peniaga ge-

rai di medan selera berkenaan dilihat bertungkus-lumus menyelamatkan harta benda, namun tidak ada se-

barang laporan mengenai kemalangan jiwa dan kecederaan.

Seorang peniaga, Jumariah Menahu, 32, mendakwa ketika kejadian, dia sedang sibuk menghidangkan makanan kepada pelanggan yang mengunjung gerainya.

Menurutnya, dia menyedari kewujudan pukulan ombak yang agak kuat tetapi tidak melepasi tebing pantai kira-kira jam 7 malam, namun ombak setinggi dua meter dan agak kuat melepasi tebing hanya berlaku dua jam kemudian.

“Keadaan bertambah cemas apabila ombak semakin kuat sehingga air laut memasuki gerai menyebabkan beberapa pelanggan terpaksa menyelamatkan diri daripada pukulan ombak berkenaan,” katanya ketika di-

temui Harian Metro di sini, malam kelmarin.

Jumariah berkata, pukulan ombak kuat setinggi kira-kira dua meter yang memasuki gerai menyebabkan ada meja dan kerusi ‘ditarik’ ke dalam laut.

“Air laut masuk ke kawasan gerai sehingga ke paras lutut dan kami terpaksa menyelamatkan pelbagai kelengkapan dapur manakala beberapa meja dan kerusi rosak akibat dipukul ombak.

“Bagaimanapun, kami bernasib baik kerana tiada perkara tidak diingini berlaku dan semua pekerja dan pelanggan berjaya menyelamatkan diri,” katanya.

Katanya, kejadian seperti itu berlaku setiap tahun dan kejadian 2008 adalah yang terbesar sehingga air laut melimpah ke jalan raya.